



15 November 2017
15 November 2017
P.U. (A) 348

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) (PINDAAN) 2017

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)
(PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018.

Pindaan peraturan 7

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 34/2011*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dalam peraturan 7, dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “Permohan” dengan perkataan “Permohonan”.

Pindaan Jadual

3. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam jadual kepada perenggan 2—

(i) berhubung dengan Kriteria kuantitatif, dalam ruang (3), dalam butiran B—

- (A) dalam subbutiran (*h*), dengan menggantikan perkataan “deposit” dengan perkataan “dana tersedia”; dan
 - (B) dalam subbutiran (*i*), dengan menggantikan perkataan “pendeposit individu” dengan perkataan “dana teras”; dan
 - (ii) berhubung dengan Kriteria kualitatif, dalam ruang (3), dalam butiran (*b*), dengan menggantikan perkataan “Kriteria” dengan perkataan “Faktor”;
- (*b*) dalam perenggan 4—
- (i) dalam subsubperenggan (2)(*h*), dengan menggantikan perkataan “deposit” dengan perkataan “dana tersedia”;
 - (ii) dalam subsubperenggan (2)(*i*), dengan menggantikan perkataan “pendeposit individu” dengan perkataan “dana teras”; dan
 - (iii) dalam jadual kepada subperenggan (3), dalam ruang (1)—
 - (A) dengan menggantikan perkataan “deposit” dengan perkataan “dana tersedia”; dan
 - (B) dengan menggantikan perkataan “pendeposit individu” dengan perkataan “dana teras”; dan
- (*c*) dalam jadual kepada perenggan 7—
- (i) berhubung dengan penunjuk aras Profil penumpuan pinjaman, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan “jumlah pinjaman” perkataan “dalam operasi domestik”;

(ii) berhubung dengan penunjuk aras Nisbah pinjaman kepada deposit—

(A) dalam ruang (1), dengan menggantikan perkataan “deposit” dengan perkataan “dana tersedia”; dan

(B) dalam ruang (2)—

(aa) dengan memasukkan selepas perkataan “jumlah pinjaman” perkataan “kecuali pinjaman yang ditentukan oleh Perbadanan untuk dikecualikan”; dan

(bb) dengan menggantikan perkataan “deposit daripada pelanggan” dengan perkataan “dana tersedia yang ditentukan oleh Perbadanan”; dan

(iii) dengan menggantikan penunjuk aras “Komposisi pendeposit individu” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan penunjuk aras dan butir-butir yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (4)
Komposisi dana teras	$\frac{A}{B} \times 100\%$	$\geq 60\%$	10
		$\geq 50\%$ tetapi $< 60\%$	8
	iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah jumlah dana teras yang ditentukan oleh Perbadanan; dan	$\geq 30\%$ tetapi $< 50\%$	5
		$< 30\%$	0